

CABARAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ILMU TAJWID SECARA DALAM TALIAN DALAM FASA PKP: KAJIAN DI FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Anuar bin Hasinⁱ Zainora binti Daudⁱⁱ & Norazman bin Aliasⁱⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. anuarhasin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. zainora@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. norazman@usim.edu.my

Abstrak

Isu pembelajaran secara dalam talian semakin mendapat perhatian oleh pusat pengajian tinggi terutamanya sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan bermula Mac 2020. Artikel ini menganalisa cabaran yang dihadapi oleh para pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah yang mengambil mata pelajaran ilmu Tajwid pada semester 2, sesi 2019/2020 secara dalam talian dalam fasa PKP. Artikel ini menggunakan method kualitatif melalui soal selidik dengan soalan terbuka terhadap 20 orang pelajar yang telah mengambil subjek berkenaan bagi mengenalpasti cabaran yang mereka hadapi ketika mengikuti pengajian secara dalam talian. Artikel juga menerima maklum balas tentang aspek penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian pada masa akan datang. Hasil kajian mendapati 55 peratus responden menyatakan masalah utama yang dihadapi ialah berkaitan talian internet. Selebihnya mengakui bahawa terdapat cabaran lain seperti kurang kerjasama di antara kumpulan dan kesukaran fokus serta kekurangan motivasi dan komitmen terhadap kelas.

Kata kunci: *Pembelajaran Secara Dalam Talian, Cabaran, Tajwid.*

PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus atau wabak koronavirus ialah pandemik penyakit koronavirus 2019 yang sedang berlaku secara meluas di peringkat global. Ia berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Ia mula dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020.¹⁸⁶ Bagi mengekang dan memutuskan rantai

¹⁸⁶ https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19.

penularan wabak ini, kerajaan Malaysia melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Muhyiddin bin Muhammad Yassin, Perdana Menteri Malaysia ke-8, telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan atau lebih dikenali sebagai PKP bermula pada 18 Mac 2020.¹⁸⁷

Sejak PKP dilaksanakan, banyak sektor di dalam negara ini telah terjejas dan menerima kesan daripadanya. Dilaporkan bahawa negara telah kerugian hampir 2.4 billion setiap hari sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Sehingga Mei 2020, negara telah mencatatkan kerugian terkumpul sebanyak 63 billion.¹⁸⁸ Namun, menurut Pong Teng Siew, bekas ketua penyelidik di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd, Malaysia boleh kerugian lebih daripada RM63 bilion sekiranya PKP tidak dilaksanakan pada 18 Mac lalu.

Sektor pendidikan tinggi juga tidak ketinggalan menerima kesan negatif daripada pelaksanaan PKP sewaktu pandemik Covid-19 menular. Menurut Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi, terdapat 3 impak utama norma baharu yang akan dihadapai oleh sektor pendidikan tinggi. Pertama, kemerosotan kelestarian kewangan institusi pengajian tinggi berikutan penguncutan bilangan pelajar tempatan dan antarabangsa serta penyusutan pendapatan daripada program-program akademik yang biasanya dapat menampung pelbagai kos operasi. Kedua, perubahan struktur dan penyampaian kurikulum program akademik di universiti akan berlaku dengan lebih rancak semasa dan selepas pandemik COVID-19. Ketiga, perhatian khusus perlu diberikan terhadap sinergi antara penyelidikan dan pengajaran bagi menyelesaikan kekangan-kekangan proses pembelajaran dan pengajaran.¹⁸⁹

Di Universiti Sains Islam Malaysia, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka pada semester 2, sesi 2019/2020 hanya sempat berjalan selama 4 minggu sahaja dan kemudiannya ia terpaksa ditangguhkan kerana penguatkuasaan PKP pada 18 Mac 2020. Pengajaran dan pembelajaran di USIM kemudiannya telah diteruskan secara dalam talian sepenuhnya bermula pada 1 Jun 2020 sehingga akhir tahun, Disember 2020. Arahan tersebut telah dikuatkuasakan ke atas semua kelas pengajian di USIM kecuali bagi beberapa kategori pelajar sahaja.¹⁹⁰

Pembelajaran Ilmu Tajwid di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Dalam Fasa PKP

Ilmu Tajwid, QQQ1113, merupakan sebuah subjek teras bagi pelajar di bawah program Sarjana Muda Quran dan Multimedia dan Sarjana Muda Sunnah dan Pengurusan

¹⁸⁷ <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyatan-media-mkn-18-mac-2020/>

¹⁸⁸ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684091/ekonomi-dijangka-pulih-dengan-sektor-dibuka-secara-beransur-ansur>

¹⁸⁹ <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1850425>

¹⁹⁰ Sila rujuk kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 27 Mei 2020 dan Memo Pejabat Naib Canselor USIM bertarikh 17 Mac 2020.

Maklumat. Manakala bagi pelajar program pengajian Sarjana Muda Quran dan Sunnah ia merupakan subjek elektif program.¹⁹¹ Kursus ini diperkenalkan kepada para pelajar dengan tujuan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemampuan pelajar terhadap cara membaca Al-Quran dengan benar dan baik.¹⁹² Sewaktu fasa PKP, seramai 276 pelajar telah mengambil subjek ini. Mereka semua telah terlibat dengan pembelajaran secara dalam talian selama 10 minggu bermula pada 1 Jun sehingga 7 Ogos 2020 samada secara segerak¹⁹³ ataupun tidak segerak¹⁹⁴.

Oleh kerana ini adalah pertama kali USIM secara umumnya telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, artikel ini adalah untuk mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pelajar khususnya mereka yang mengambil subjek Ilmu Tajwid pada semester lepas supaya cabaran tersebut dapat diatasi sekiranya USIM meneruskan metod PDP yang sama pada masa akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berasaskan metodologi kualitatif yang melibatkan 20 orang pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia yang telah menduduki subjek Ilmu Tajwid, QQQ1113, pada semester 2, sesi 2019/2020.

Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dengan kaedah soalan terbuka. Secara umumnya, terdapat 4 soalan utama yang ditanya di dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar secara *online* dengan menggunakan platform *Microsoft Forms*. Soalan-soalan tersebut ialah:

Soalan (1): Apakah pandangan anda tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang telah dikuatkuasakan oleh USIM semasa PKP bagi subjek Ilmu Tajwid pada semester 2, sesi 2019, 2020?

Soalan (2): Apakah cabaran yang dihadapi oleh anda dalam mengikuti pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid?

¹⁹¹ Sila rujuk Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda, Sesi Akademik 2019/2020, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

¹⁹² Sila rujuk "Course Outline (CO), Ilmu Tajwid, QQQ1113".

¹⁹³ 'Segerak' merujuk kepada proses P&P yang berlaku pada masa sebenar contohnya Facebook live, Microsoft Teams, Google Duo, You Tube Live dan Zoom. Rujuk slaid Prof. Madya Dr. Nurlida Basir, 'Taklimat Penggunaan Panduan Ringkas E-Pembelajaran dan Pengajaran, Universiti Sains Islam Malaysia: Panduan Untuk Tenaga Pengajar', 14 Mei 2020.

¹⁹⁴ 'Tidak segerak' merujuk kepada P&P yang tidak berlaku pada masa sebenar contohnya pre-recorded video yang menggunakan You Tube, Telegram, Whatssapp dan lain-lain. Rujuk slaid Prof. Madya Dr. Nurlida Basir, 'Taklimat Penggunaan Panduan Ringkas E-Pembelajaran dan Pengajaran, Universiti Sains Islam Malaysia: Panduan Untuk Tenaga Pengajar', 14 Mei 2020.

Soalan (3): Apakah cadangan anda bagi penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki mutu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid pada masa akan datang?

Soalan (4): Adakah anda bersetuju sekiranya pembelajaran secara dalam talian diteruskan pada semester akan datang bagi subjek ini?

DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan hasil dapatan kajian soal selidik yang telah dikemukakan kepada para responden. Setiap responden ditandakan dengan kod 'R1' hingga 'R20' untuk merahsiakan identiti mereka.

Jadual 1. Pandangan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Soalan (1) :Apakah pandangan anda tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang telah dikuatkuasakan oleh USIM semasa PKP bagi subjek Ilmu Tajwid pada semester 2, sesi 2019, 2020?

| Peserta | Jawapan |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| R1 | Insya Allah saya patuhi keputusan pihak usim. Cuma kekangan hanya berpihak pada diri saya yang diuji sebulan sukar masuk kelas online kerana kurang daya akses. |
| R2 | perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sangat baik |
| R3 | Baik |
| R4 | Sedikit mencabar kerana pembelajaran tertumpu hanya dengan menggunakan peralatan elektronik Dan kekuatan liputan internet. |
| R5 | Alhamdulillah bagi saya okey, sebab sebelum ni asas ilmu tajwid sudah diterapkan waktu menengah, jadi cuma tingkatkn lagi ilmu yg ada dikalangan pelajar. Melalui pembelajaran online subjek tajwid ni juga bagi saya dari sudut kefahaman tu sangat okey, sebab masa pelajar lebih banyak masa untuk mengulangkaji pelajaran tajwid sebelum masuk kuliah online. Tetapi saya sependapat lebih selesa untuk kelas secara offline bagi subjek ini, kerana pelajar lain tidak sama tahap keupayaan masing-masing dalam kefahaman. |
| R6 | Kelas dalam talian adalah satu inisiatif yang baik bagi menggantikan kelas bersemuka yang tak dpt dilaksanakan . Dan dapat meningkatkan kemahiran ict para pelajar . |

| | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| R7 | Pada pandangan saya, pengajaran dan pembelajaran pada semester 2 sangat baik kerana dapat meneruskan pembelajaran walaupun di dalam maya dan dapat berkomunikasi dengan pensyarah-pensyarah. |
| R8 | Pada pandangan saya , PnP secara dalam talian ini ada baiknya kerana pelajar bebas bersuara secara langsung sekiranya tidak faham sesuatu perkara berbanding di dalam kelas , mungkin kita akan berasa malu . Selain itu , terdapat minggu yg kami perlu menonton video . Faedahnya di sini , andai kata terdapat topik yang saya kurang jelas , saya boleh ulang main seberapa kali yg mungkin sehinggalah saya paham sepenuhnya . |
| R9 | Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara ats talian memudahkan para pelajar untuk meneruskan pembelajaran yg tertgguh kerana PKP..akan tetapi sesetengah pelajar mempunyai masalah dlm akses internet kerana mungkin line kawasan setempat.. Secara peribadi bg subjek ilmu tajwid, tidak mempunyai sebarang masalah kerana pensyarah menggunakan pelbagai aplikasi seperti zoom,microsoft tems dan facebook bg meneruskan pembelajaran dan tugas yg diberikan juga tidak terlalu menyusahkan pelajar. |
| R10 | Bagi saya, itu adalah satu langkah yang bijak dalam suasana pandemik sekarang. |
| R11 | pada pandangan saya, saya masih boleh mengikuti semua kelas bagi subjek ini sepanjang semester 2 ini, kerana apa yang disampaikan oleh pensyarah dapat difahami dengan jelas. |
| R12 | Bagi saya, penerangan dan ringkasan nota yang ustaz beri faham tetapi panjang sedikit. Bagi mereka yang mudah faham bahasa arab mudah, bagi yang masih kurang mungkin agak sukar bagi mereka. |
| R13 | Pada pandangan saya, alhamdulillah sepanjang pembelajaran berkaitan kelas ilmu tajwid terdapat pelbagai ilmu yg dpt dipraktikkan dan di pelajari akan tetapi.. ilmu tajwid lebih sesuai secara bersemuka untuk memudahkan pembelajaran |
| R14 | Pada pandangan saya, mostly saya sangat puas hati dengan pembelajaran atas talian bagi subjek ilmu tajwid. alhamdulillah saya dapat banyak ilmu baru, saya juga dapat mengetahui beberapa silap saya dalam memahami ilmu tajwid, dan dapat memperkuuh semula ilmu2 berkaitan tajwid yang pernah saya pelajari pada watu kecil. Ustaz mengajar dengan baik dan alhamdulillah saya juga dapat memahami dgn baik apa yg disampaikan. dan pada pendapat saya pembelajaran atas talian ini lebih membantu kerana terdapat rakaman |

| | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | yang dapat dirujuk sekiranya ada beberapa perkara yang kurang difahami, atau memerlukan kepastian. |
| R15 | Pada pandangan saya, pengajaran dan pembelajaran secara talian bagi subjek Ilmu Tajwid pada semester 2 adalah baik dan lancar bagi saya walaupun terdapat pelbagai rintangan dan cabaran mengenai rangkaian Internet dan ketidakfahaman pelajar seratus peratus, akan tetapi pensyarah tersebut telah berusaha memberikan yang terbaik yang mana bagi saya adalah diluar jangkaan bagi pelajar tahun satu yang pertama kalinya belajar secara atas talian. |
| R16 | pada pandangn saya belajar secara online yg telah dikuat kuasakan usim adalah baik hal ini kerana situasi semasa memerlukan SOP yg perlu dipatuhi. Namun begitu adalah lebuh baik jika subjek ilmu tajwid ini dibuat secara face to face di dalam kelas. |
| R17 | Memuaskan. Jika skala diberi 1-5, saya akan memilih 4. |
| R18 | Saya rasa seronok mempelajari subjek ini pada semester 2 kerana pensyarah menggunakan medium yang menarik iaitu zoom , aplikasi ini membuatkan kami lebih dekat dengan pengajar kerana dapat bertanya terus dengan hanya membuka mikrofon , dan rasa seperti di dewan kuliah ketika membuka kamera. |
| R19 | bagi saya perlaksanaan dan pengajaran untuk subjek ilmu tajwid sangat berkesan dan esentif walaupun ada masalah teknikal kecil yang tak dapat dielakkan seperti tiada internet, hujan lebat di bhgn daerah pelajar dan sebagainya tetapi dr Anuar sangat prihatin kepada setiap pelajar dengan menyediakan pelbagai platform dan teknik pengajaran yang mudah pelajar untuk pelajar akses. Alhamdulillah |
| R20 | Pada pendangan saya, untuk subjek tajwid ini tiada sebarang masalah besar yang timbul untuk saya. Bagi saya, kuliah yang dijalankan tidak membebankan pelajar secara keseluruhan kerana pensyarah membuat kelas diatas talian secara bergilir. |

Jadual 1 menunjukkan pandangan pelajar tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang telah dikuatkuasakan oleh USIM semasa PKP bagi subjek Ilmu Tajwid pada semester 2, sesi 2019, 2020.

Merujuk kepada jadual di atas, sebanyak 70% (14 orang) pelajar berpuashati dan berpendapat bahawa PdP secara dalam talian yang dilaksanakan oleh USIM adalah satu inisiatif yang baik. R6 misalnya mengatakan bahawa ia adalah satu inisiatif bagi menggantikan kaedah pembelajaran secara bersemuka yang tidak dapat dilaksanakan

akibat pandemik Covid-19, disamping ia dapat meningkatkan kemahiran ict dikalangan para pelajar. R8 pula berpandangan bahawa pembelajaran secara dalam talian dapat mengatasi masalah malu untuk bertanya dikalangan pekajar. Baginya, kekebasan bertanya wujud lebih baik dalam suasana pembelajaran secara dalam talian berbanding di dalam kelas yang rata-ratanya pelajar malu untuk mengemukakan soalan. Selain itu, bahan-bahan pembelajaran juga sangat mudah untuk diakses secara berulang kali sekiranya sesuatu pelajaran tidak difahami.

Selain itu, sebanyak 15% (3 orang) pelajar berpandangan bahawa kaedah pembelajaran secara bersemuka adalah lebih baik bagi subjek Ilmu Tajwid berbanding dengan kaedah secara dalam talian. Dalam hal ini, R5 menyatakan hal ini adalah disebabkan perbezaan tahap kefahaman di kalangan para pelajar. R13 pula berpendapat bahawa pembelajaran secara bersemuka adalah lebih praktikal dan sesuai bagi subjek yang berbentuk amali seperti Ilmu Tajwid.

R18 menzahirkan rasa seronok beliau dengan pembelajaran secara dalam talian kerana medium pengajaran yang digunakan adalah pelbagai seperti aplikasi *Zoom* yang membuatkan beliau merasa lebih dekat dengan pensyarah. R20 juga berpadangan bahawa pelaksanaan PdP secara dalam talian adalah tidak membebankan pelajar kerana kuliah dijalankan secara bergilir-gilir.

Jadual 2. Cabaran pembelajaran secara dalam talian.

Soalan (2): Apakah cabaran yang dihadapi oleh anda dalam mengikuti pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid?

| Peserta | Jawapan |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| R1 | Secara umumnya saya hadiri semua sesi kelas pagi. Alhamdulillah summalhamdulillah. Kelas yang paling saya syukur sebab pagi. Waktu lain kelas online dah tersekat-sekat. Kadang tak dapat dengar langsung lecturer cakap. |
| R2 | Setakat ini belum lagi ada masalah. |
| R3 | Maklumat penting kadang2 terlepas |
| R4 | Liputan internet yang tak kuat, nota berbentuk soft copy Dan komputer mempunyai masalah audio |
| R5 | Selalunya cabaran, dari segi kelajuan internet yang kurang dan line dekat kampung agak perlahan sedikit. Ketika memuat video youtube agak sukar kerana pada waktu tertentu sahaja boleh tengok. |
| R6 | Talian internet yang kurang memuaskan . Tapi saya masih dapat ikuti kelas dan maklum tentang tugas yang diberi . |

| | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| R7 | Cabaran yang dihadapi oleh saya apabila rangkaian Internet putus pada waktu kuliah secara tiba-tiba dan ketika berada di rumah line internet tidak sampai yang mana kena keluar mendapatkan line untuk meneruskan pembelajaran. |
| R8 | Cabaran yang dihadapi oleh saya pertamanya ialah masalah capaian internet . Masalah ini kdg2 membuatkan saya tidak dpt mendengar dgn jelas apa yg diajar oleh pensyarah . Selain itu , komitmen bersama kumpulan . Tidak sumbu ahli akan online pada waktu yg sama , jadi perkara ini agak sukar sekiranya kami ingin membuat perbincangan mengenai assignment. |
| R9 | Cabaran yg dihadapi dlm subjek ilmu tajwid adalah Ketika membacakan surah di kelas tutor..adakalanya line tersekat sekat dan tidak dapat mendengar bacaan ustaz dgn jelas.. Dan ustaz juga tidak dpt mendengar bacaan pelajar dengan jelas.. |
| R10 | Pada saya, agak sukar kerana belajar di rumah bukan tertumpu kepada tanggungjawab sebagai mahasiswa semata2, tetapi perlu juga melaksanakan tanggungjawab sebagai anak di rumah. Bagi masalah line, saya kurang berhadapan dengan masalah tersebut. |
| R11 | Kesukaran untuk fokus kerana terlambau sering menggunakan handphone dan laptop terutama saya ada rabun silau. |
| R12 | Cabaran yang saya hadapi ialah suasana yang agak bising, kadang jiran betulkan enjin motor, saudara-mara ada singgah rumah dan masalah line saya alhamdulillah tiada masalah cuma bila waktu hujan lebat line akan putus serta merta. |
| R13 | Cabaran yg saya hadapi adalah masalah talian |
| R14 | Setakat ni rangkaian internet di rumah saya adalah baik, jadi saya tiada masalah dari segi tu. cuma ada kalanya kurang motivasi diri. dan kadang kala, ada masa, jadual terlalu packed, jadi video2 yang perlu ditonton terpaksa ditangguhkan pada masa lain oleh sebab ada beberapa perkara penting yang perlu diselesaikan seperti test, assignment dan lain2. masalah2 yang lain, alhamdulillah, saya dan kawan2 dapat hadapi dengan baik atas jasa baik ustaz dalam memahami situasi kami. |
| R15 | Cabaran yang dihadapi pembelajaran secara talian bagi subjek Ilmu Tajwid adalah dimana pensyarah lebih gemar menggunakan Aplikasi Zoom berbanding Aplikasi Teams. Ini bukan bermakna Aplikasi Zoom tidak bagus, tetapi kebanyakan pelajar lebih mesra menggunakan Aplikasi Teams berbanding Aplikasi Zoom kerana bagi |

| | |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | sesetengah pelajar tidak dapat mencapai rangkaian Internet yang laju melalui Aplikasi Zoom. |
| R16 | <ul style="list-style-type: none"> - Cabaran yang saya hadapi ialah capaian internet kurang memuaskan hal ini menyebabkan sedikit tekanan emosi yg dihadapi. - Di samping itu, terdapat juga kekangan dari segi berkomunikasi dengan ahli kumpulan untuk menyelesaikan tugas yg diberi. |
| R17 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Masalah internet kerana kelas online di zoom dan MS Teams akan memakan banyak data. Sehingga hujung bulan, kelas agak sukar join sehingga habis waktu. 2. Bercampur komitmen lain di rumah seperti memasak dan mengemas rumah. Belajar memerlukan fokus tapi apabila ada pertolongan ibu bapa, itu perlu diutamakan juga. |
| R18 | Alhamdulillah sepanjang pembelajaran atas talian, saya tidak mempunyai sebarang masalah internet ataupun gangguan teknikal yang lain. |
| R19 | Alhamdulillah tiada cabaran yang terlalu mencabar sangat cuma ada la sikit cabaran yang tidak dapat dielakkan sebagai contoh wifi terpadam sendiri dan kena akses semula, penyambungan line buat hal. bukan itu sahaja, agak mencabar untuk fokus sem ni sebab kejutan budaya belajar secara talian pun ada disebabkan pandemik yang menjangkau akal fikiran. mungkin itu sahaja wallahualam |
| R20 | Cabaran bagi saya ialah untuk memahami serta melaksanakan tugas individu mahupun berkumpulan yang diberikan oleh pensyarah. Keberadaan para pelajar yang berada di tempat yang berbeza agak menyukarkan saya untuk berhubung antara satu sama lain kerana ada pelajar yang tidak mahu memberikan kerjasama yang baik. |

Jadual 2 memberi maklumat tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mengikuti pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid bagi semester 2, sesi 2019/2020.

Daripada jadual di atas, seramai 55% (11 orang) pelajar (menyatakan bahwasanya mereka menghadapi cabaran daripada segi capaian internet. R7 misalnya mengatakan talian internetnya terputus secara tiba-tiba dan itu menyebabkan pembelajarannya terganggu dan beliau terpaksa mencari talian yang lebih kuat di luar rumah. Ada juga yang menspesifikkan masalah tersebut terhadap jenis aplikasi yang digunakan. Misalnya R15 mengatakan bahawa penggunaan *Microsoft Teams* adalah lebih

baik berbanding *Zoom* kerana ia lebih mesra pengguna dengan para pelajar berbanding dengan aplikasi *Zoom*. R17 pula menyatakan bahawa penggunaan *Microsoft Teams* dan *Zoom* di dalam sesi pembelajaran telah menyebabkan penggunaan data yang banyak. Hal yang demikian menyebabkan capaian terhadap internet menjadi perlahan terutamanya di hujung bulan kerana langganan kuota bagi data internet telah habis digunakan. Selain itu, R9 juga menagatakan bahawa talian internet yang perlahan telah menyebabkan dia tidak dapat mendengar bacaan ustaz dgn jelas dan ustaz juga tidak dapat mendengar bacaan pelajar dengan jelas.

Namun begitu, ada juga dikalangan pelajar yang tidak menghadapi masalah internet sewaktu pembelajaran secara *online* dijalankan. R8, R16 dan R20 misalnya berkongsi cabaran dengan menyatakan bahawa kurangnya kerjasama yang baik daripada rakan yang lain khususnya apabila ditaklifkan dengan tugas individu dan berkumpulan. Manakala R10, R12 dan R17 menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi mereka ialah gangguan persekitaran seperti sukar untuk fokus terhadap matapelajaran kerana komitmen yang perlu digalas sebagai seorang anak di rumah, gangguan bunyi bising dari rumah jiran dan lain-lain.

Jadual 3. Cadangan penambahbaikan pembelajaran secara dalam talian

Soalan (3): Apakah cadangan anda bagi penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki mutu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid pada masa akan datang?

| Peserta | Jawapan |
|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| R1 | Saya tidak pasti cara yang lebih efisyen. Setakat ini insya Allah saya boleh follow kelas-kelas yang dijalankan. |
| R2 | Buat slide lebih best dan lagi mudah faham |
| R3 | Jika membuat whatsapp hanya pensyarah sahaja yg boleh share maklumat sebab jika pelajar lain boleh share maklumat..takut pelajar lain terlepas maklumat penting itu |
| R4 | Banyakkan buat sesi rakaman kuliah beserta nota Yang efektif. Jangan gunakan platform zoom kerana menyusahkan pelajar Yang mempunyai liputan internet yang terhad |
| R5 | Jika diteruskan pembelajaran secara online, bagi saya memperbanyakkan tugas amali atau praktikal dikalangan pelajar, bagi memudahkan pensyarah mengenalpasti tahap kefahaman bagi sesetengah pelajar. |
| R6 | Memperbanyakkan sesi tutorial dan praktikal bacaan . Dengan itu , kepuasan pembelajaran dapat diperoleh dengan maksimum . |

| | |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| R7 | Cadangan saya adalah memberi latihan melalui google form. |
| R8 | <ul style="list-style-type: none"> - Kurangkan assignment secara berkumpulan - Lebihkan perbincangan didalam whatsapp atas faktor2 capaian internet yg berbeza bgi setiap pelajar |
| R9 | Cadangan sya.. Bg mengelakkan masalah pelajar terlupa atau tidak hadir.. Adlah.. Masing2 mengingatkan sesama sendiri untuk menghadiri kelas sehari sebelum atau malam nya Seterusnya.. Bg mengelakkan masalah terlepas pandang google form kehadiran..whatsapp group hanya dpt dihtr oleh admin group sahaja.. Agar message2 lain tidak mengganggu |
| R10 | <ul style="list-style-type: none"> - Kerap membuat live, kerana mungkin pelajar kurang memberikan komitmen sepenuhnya dengan video rakaman. - Maklumkan lebih awal kepada pelajar tentang tugas subjek ini |
| R11 | Mengadakan kelas dengan pelbagai alternatif contohnya seperti melalui rakaman di youtube, teams secara live dan minggu pembelajaran sendiri. Pihak Lecturer perlu mendapatkan respons dari murid untuk menguji kefahaman mereka melalui form kehadiran, dan sewajarnya memberi soalan lebih daripada 3 supaya mereka fokus sepenuhnya dalam subjek ini. |
| R12 | Cadangan saya, buat nota ringkas atau peta minda secara berkumpulan dan bentang. Seterusnya, selepas habis tajuk tersebut beri mereka soalan kuiz seperti mana yang pernah dijalankan pada kami semasa sem 2. |
| R13 | Cadangan saya adalah untuk meminta pihak university memberi bantuan dari segi internet dan membawa pulang mereka yg kurang akses |
| R14 | Jujur, secara keseluruhannya, saya puas hati dengan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi subjek ilmu tajwid. tetapi mungkin saya boleh cadangkan, untuk memberi cadangan kepada pelajar satu nama buku/link website dalam bahasa melayu, sebagai bahan rujukan supaya mereka lebih faham tentang sesuatu hukum yang dipelajari. memandangkan kebanyakan pelajar agak lemah dalam memahami bahasa arab dengan baik. |
| R15 | Cadangan saya bagi penambahbaikan pembelajaran dan pengajaran adalah dengan melaksanakan melalui Aplikasi Teams, kerana menurut pelajar data yang lebih jimat dan tidak tersekat adalah di Aplikasi Teams berbanding Zoom. Disamping itu, pensyarah perlulah memberi tugasan dengan lebih terperinci kerana tidak semua |

| | |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | pensyarah mempunyai kemahuan detail assignment yang serupa agar setiap pelajar dapat melaksanakan tugas dengan menepati kemahuan pensyarah. |
| R16 | - Mengadakan online class (face to face) setiap minggu. Jika terdapat pelajar yang tidak boleh mengikuti oline class berdasarkan jadual yg telah ditetapkan, pensyarah boleh menyediakan video online class yg telah dirakam pada minggu tersebut kepada pelajar melaui Facebook/telegram. - saya menyarankan pensyarah melaksanakan online class melalui aplikasi Teams. Hal ini kerana teams tidak memerlukan data yg tinggi berbanding aplikasi zoom. |
| R17 | Mungkin boleh dilakukan pada waktu pagi 8-10 untuk mengelakkan masalah data. |
| R18 | Saya cadangkan soalan ketika kuiz mengisi kehadiran dapat dipelbagaikan supaya dapat memahami dengan lebih jelas tajuk tersebut. |
| R19 | Cadangan saya untuk penambahbaikan dalam perlaksanaan pembelajaran ini sekiranya Dr menyediakan platform seperti biasa. pertama secara live dan simpan live tu (rekod). atau cara kedua sediakan video dan memastikan pelajar tengok dan menjawab soalan daripada video yang disiarkan oleh dr pada minggu itu. ini memastikan bahawa pelajar dapat tengok penuh video yang diterangkan oleh dr dan tak ambil mudah. wallahualam |
| R20 | Cadangan saya ialah pensyarah perlu memberi quiz latihan kepada para pelajar selepas kelas bagi menguji tahap kefahaman pelajar kerana saya melihat ramai antara pelajar yang kurang memahami apa yang dipelajari secara atas talian kerana mungkin kurang fokus semasa didalam kelas. |

Jadual 3 menunjukkan cadangan-cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki mutu perlaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid pada masa akan datang.

Sekurang-kurang sebanyak 15% (3 orang) pelajar memberikan cadangan supaya pensyarah lebih mengutamakan penggunaan *Microsoft Teams* berbanding *Zoom* sekiranya pembelajaran secara dalam talian diteruskan pada masa akan datang. Ini kerana menurut mereka, penggunaan *Microsoft Teams* adalah lebih menjimatkan daripada sudut jumlah penggunaan data berbanding aplikasi-aplikasi yang lain.

Pelbagai cadangan lain turut diutarakan bagi mengingkatkan mutu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian untuk masa akan datang contohnya, R13

mencadangkan kepada pihak universiti untuk membawa pulang pelajar-pelajar yang menghadapi masalah internet ke kampus. R11 pula mengesyorkan supaya alternatif untuk mengadakan kelas dipelbagaikan melalui rakaman dan secara langsung dengan menggunakan platform seperti *YouTube* dan juga *Microsoft Teams*. R5 juga mencadangkan agar latihan amali dan praktikal diperbanyakkan bagi memudahkan pensyarah mengenalpasti tahap kefahaman pelajar.

Di samping itu, terdapat beberapa aplikasi lain yang telah disebutkan oleh responden yang dapat membantu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian dengan lebih berkesan antaranya Whatssapp, Telegram dan Google Form.

Jadual 4. Persetujuan untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian

Soalan (4): Adakah anda bersetuju sekiranya pembelajaran secara dalam talian diteruskan pada semester akan datang bagi subjek ini?

| Peserta | Jawapan |
|---------|---------|
| R1 | Ya |
| R2 | Ya |
| R3 | Ya |
| R4 | Ya |
| R5 | Ya |
| R6 | Ya |
| R7 | Tidak |
| R8 | Ya |
| R9 | Ya |
| R10 | Ya |
| R11 | Ya |
| R12 | Tidak |
| R13 | Tidak |
| R14 | Ya |
| R15 | Ya |
| R16 | Tidak |
| R17 | Tidak |
| R18 | Ya |
| R19 | Ya |
| R20 | Tidak |

Jadual 4 menunjukkan bahawa 70% (14 orang) pelajar menyatakan persetujuan untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian untuk semester akan datang bagi subjek Ilmu Tajwid. Manakala selebihnya seramai 30% (6 orang) pelajar tidak bersetuju untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian.

PERBINCANGAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawasanya majoriti pelajar bersetuju dan berpuas hati dengan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Ilmu Tajwid pada semester yang lalu. Hal ini adalah kerana ia merupakan satu-satunya pilihan yang terbaik yang boleh diusahakan oleh pihak universiti dalam meneruskan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran di USIM. Namun hal ini tidak menafikan bahawa kaedah pembelajaran secara bersemuka adalah lebih baik khususnya bagi subjek yang berbentuk amali dan praktikal sekiranya situasi PKP yang disebabkan oleh Covid-19 tidak berlaku. Ini kerana kaedah utama dalam mempelajari tajwid ialah secara talaqqi dan musyafahah mempelajari Al-Quran secara terus melalui cara mendengar dan meniru bacaan daripada seorang guru yang mempunyai sanad yang bersambung kepada Rasulullah s.a.w. Manakala musyafahah pula bermaksud seorang murid memperoleh pengetahuan secara lisan dengan menumpukan pada pergerakan bibir guru dan mengulang bacaan.¹⁹⁵ Menerusi pembelajaran secara bersemuka, objektif untuk mendengar bacaan guru, melihat pergerakan bibirnya, dan juga memperbetulkan bacaan dihadapnya akan dapat dicapai dengan lebih jelas dan mudah. Manakala pembelajaran Ilmu Tajwid secara dalam talian dikhawatiri akan menjaskan tradisi mempelajarinya secara talaqqi dan musyafahah khususnya apabila guru dan murid berhadapan dengan masalah gangguan internet dan sebagainya yang boleh menyebabkan penerangan dan contoh bacaan yang dikemukakan dalam sesi pembelajaran menjadi tidak jelas dan tidak sampai di antara satu sama lain. Menurut Syeikh Hisyam Abdel Bari Rajih¹⁹⁶, kejayaan talaqqi secara online sangat bergantung kepada kelajuan internet, kejelasan gambar. Kelajuan internet sangat penting untuk memastikan komunikasi di antara guru dan murid berjalan lancar. Sekiranya guru tidak dapat mendengar bacaan murid, maka ia akan menyukarkan proses bacaan dan teguran semasa proses talaqqi berlangsung. Manakala kejelasan gambar adalah penting supaya guru dan murid dapat memerhatikan bibir dan mulut

¹⁹⁵ Yusof, N. H. bin, Razali, M. A. bin M., Omar, N. binti, Abdelgelil, M. F. M., & Hamzah, M. S. bin. (2018). Concept and Execution of Talaqqi and Musyafahah Method in Learning Al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 559–563

¹⁹⁶ Hisyam Abdul Bari Mohammad Rajih dilahirkan pada 1 Oktober 1980 di Iskandariah, Mesir, merupakan pemegang sanad qiraat 10 sughra dan kubra daripada Syeikh Muhammad Abdul Hamid. Sekarang beliau menetap di Kota Bharu, Kelantan dan berkhidmat sebagai pengetua di Akademi Al-Quran Bandaraya Islam di bawah Majlis Perbandaran Kota Bharu. Beliau aktif mengajar Al-Quran di seluruh Kelantan dan menjadi guru talaqqi secara bersanad kepada murid-murid yang berasal dari dalam dan luar negara.

masing-masing dengan tujuan untuk mengenalpasti sebutan huruf dan tajwid yang betul.¹⁹⁷

Seterusnya, cabaran yang terbesar yang dihadapi oleh para pelajar dalam mengikuti kelas Ilmu Tajwid secara dalam talian telah dikenalpasti iaitu capaian internet. Hal ini sangat penting untuk diambil perhatian kerana pembelajaran secara dalam talian sememangnya bergantung sepenuhnya kepada keupayaan capaian terhadap internet. Dalam hal ini, Profesor Madya Dr Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), berkata "PdP secara dalam talian semestinya bergantung kepada capaian dan akses Internet selain kesediaan perkakasan. Orientasi utamanya adalah berasaskan video dan capaian masa nyata, penggunaan data yang maksimum adalah diperlukan, lebih-lebih lagi apabila sesi PdP dilaksanakan sepenuhnya menerusi kaedah PdP dalam talian segerak dengan pelbagai platform misalnya Zoom dan Google Meet. Jika sekali pun PdP menggunakan kaedah tidak segerak, untuk menonton atau memuat turun video kuliah juga memerlukan kapasiti data selesa. Di sinilah cabaran besar bagi penuntut yang lokasi rumahnya memang di luar kawasan liputan."¹⁹⁸ Banyak faktor yang boleh menjadi punca terhadap masalah ini antaranya ialah kawasan kediaman pelajar yang berada di luar bandar, langganan data yang sedikit, gangguan cuaca dan lain-lain lagi.

Selain itu, antara cabaran lain yang telah dikenalpasti ialah kerjasama antara ahli kumpulan khususnya apabila mereka ditugaskan dengan tugas secara berkumpulan. Hal ini mungkin disebabkan oleh masalah gangguan internet yang sering berlaku dikalangan pelajar menatijahkan kesukaran untuk mereka mengadakan perbicangan secara dalam talian, di samping ia juga sebagai salah satu masalah sikap yang sering melanda para mahasiswa dan mahasiswi. Kesedaran dan rasa kebertanggungjawaban adalah sangat penting untuk menangani masalah ini di mana para pensyarah seharusnya memupuk semangat kerjasama berpasukan sejak awal pengendalian kelas lagi. Hal ini juga boleh memberi kesan yang buruk terhadap ahli kumpulan yang berusaha gigih dan tekun untuk melaksanakan tugas yang beri. Mereka boleh mengalami tekanan sewaktu beajar seperti yang telah diutarakan oleh beberapa responden kajian ini.

Waktu PKP juga, majoriti pelajar berada di rumah masing-masing. Setelah sekian lama berada di kampung halaman, sudah tentunya persekitaran yang ada akan memberi kesan terhadap tumpuan dan fokus para pelajar terhadap pelajaran mereka. Muah ataupun tidak, mereka akan berhadapan dengan situasi di mana ibu bapa memerlukan pertolongan mereka untuk sesuatu hal, hiburan yang terdapat di rumah, keadaan rukun tetangga, dan sebagainya. Demikian juga telah diakui sebagai salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh pelajar sewaktu menjalani kelas Ilmu Tajwid secara dalam talian.

¹⁹⁷ Hisyam Abdul Bari Rajih dalam temubual bersama Anuar Hasin, 7 Ogos 2020.

¹⁹⁸ <https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/06/584546/bergantung-penuh-capaian-internet>

Dalam hal ini, keluarga khususnya ibu dan bapa haruslah memahami kewajipan utama yang dipikul oleh anak-anak mereka dan mereka seharusnya menyediakan suasana dan ruangan yang kondusif serta melengkapkan keperluan dan prasarana anak-anak supaya dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan sebaiknya. Sekiranya ibu bapa gagal memainkan peranan ini, ia akan menyebabkan anak-anak mereka ketinggalan di dalam pelajaran mereka dan berkemungkinan terpaksa mengulangi subjek yang sama pada semester yang mendatang.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, terdapat 3 cabaran utama yang dihadapi oleh para pelajar yang melalui pembelajaran Ilmu Tajwid secara dalam talian pada semester 2, sesi 2019/2020. Tiga cabaran tersebut ialah:

- i. Gangguan talian dan capaian internet
- ii. Kurangnya kerjasama dalam berkumpulan
- iii. Gangguan persekitaran (keluarga dan jiran-jiran)

Ketiga-tiga cabaran ini perlulah ditangangi dengan berkesan untuk menjamin keberkesanannya pembelajaran bagi subjek ini khususnya dan subjek-subjek lain amnya. Pensyarah haruslah mempunyai kreativiti dalam melaksanakan PdP secara *online* supaya tiada mana-mana pelajar yang keciciran. Platform yang dipilih hendaklah bersesuai dengan kemampuan capaian internet para pelajar di samping pemantauan berterusan ke atas mereka melalui penilaian secara berterusan bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai.

Setiap pelajar juga haruslah sentiasa menacari jalan untuk sentiasa memotivasi diri sendiri untuk terus komited dalam mengikuti kuliah dan tutorial yang diadakan secara dalam talian. Mereka mestilah memberikan kerjasama terhadap rakan-rakan lain apabila keadaan memerlukan sedemikian.

Akhir sekali, keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan program pembelajaran secara dalam talian ini. Sokongan dan dorongan berterusan mampu meningkatkan semangat dan prestasi anak-anak di dalam pelajaran mereka. Keluarga tidak harus memandang ringan tentang komitmen anak-anak dalam mengikuti semua kelas yang telah diaturkan oleh pihak universiti. Oleh yang demikian, keluarga haruslah sentiasa memantau perkembangan anak-anak sewaktu mengikuti kelas dan gangguan terhadap mereka juga hendaklah diminimakan supaya anak-anak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran mereka.

RUJUKAN

- Yusof, N. H. bin, Razali, M. A. bin M., Omar, N. binti, Abdelgelil, M. F. M., & Hamzah, M. S. bin. 2018. *Concept and Execution of Talaqqi and Musyafahah Method in Learning Al-Quran*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences.
- Pandemik COVID-19. https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19. (diakses pada 20 September 2020).
- Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan.
<https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyatan-media-mkn-18-mac-2020/>
(diakses pada 20 September 2020)
- Ekonomi Dijangka Pulih Dengan Sektor Dibuka Secara Beransur-Ansur.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684091/ekonomi-dijangka-pulih-dengan-sektor-dibuka-secara-beransur-ansur> (diakses pada 21 September 2020)
- Pendidikan Tinggi Pasca-COVID-19: Antara Norma Baharu Dan Hala Tuju.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1850425> (diakses pada 21 September 2020)
- Bergantung Penuh Capaian Internet.
<https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/06/584546/bergantung-penuh-capaian-internet> (diakses pada 29 September 2020)
- Syeikh Hisyam Abdul Bari Mohammad Rajih. Pengetua Akademi Al-Quran Bandaraya Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu. 7 Ogos 2020.